

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PELANCARAN BUKU 'DEALING WITH THE MALAYSIAN PUBLIC SERVICE'

TEMPAT: HOTEL ISTANA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 02 JUN 1993

MASA:

Saya mengucapkan terima kasih kepada Tan Sri Ahmad Sarji, Ketua Setiausaha Negara dan ahli-ahli Jawatankuasa penganjur kerana menjemput saya untuk melancarkan buku 'Dealing With The Malaysian Public Service' hari ini.

2. Sungguhpun konsep Persyarikatan Malaysia telah diperkenalkan hanya 10 tahun lalu, hasil yang dicapai pada hari ini adalah amat membanggakan. Usahasama di antara sektor-sektor swasta dengan awam telah membawa kepada pembangunan dan kemakmuran negara yang mengagumkan. Perkembangan ini menjadi semakin penting kerana kita sedang menggorak langkah untuk menjadi negara maju dalam dekad yang kedua pada abad yang ke-21.

3. Kejayaan kita dalam merealisasikan konsep Persyarikatan Malaysia, terutamanya menjalinkan kerjasama erat di antara sektor-sektor swasta dengan awam akan menjamin bahawa cita-cita kita menjadi negara maju tercapai. 'Consensus building' melalui proses rundingan swasta-Kerajaan akan membantu memperkuat lagi kesesuaian dasar-dasar dan matlamat supaya lebih secocok antara satu sama lain. Lebih penting harus wujud 'consensus' daripada segi matlamat dan aspirasi negara. Di samping itu, semangat daya saing yang kita harus kekalkan memerlukan negara mempunyai 'mission' yang dikongsi bersama.

4. Dalam hal ini input daripada sektor swasta harus menjadi sebahagian daripada bahan utama dalam penggubalan dasar dan proses membuat keputusan. Rundingan yang berkesan di antara sektor-sektor awam dengan swasta akan dapat menghasilkan maklumbalas mengenai keberkesanan dasar-dasar yang ada dan keperluan membuat penyesuaian. Satu penilaian yang realistik terhadap masalah-masalah serta cabaran-cabaran yang dihadapi boleh dibuat jika ianya melibatkan pihak-pihak tersebut. Ini akan membantu kita mengambil langkah-langkah yang sesuai dan berkesan melalui tindakan bersama dalam menghadapi satu-satu krisis.

5. Proses pembukaan atau 'liberalisation' dan kelonggaran ekonomi atau 'deregulation' bertujuan untuk mempertingkatkan lagi keberkesanan dan juga untuk menggalakkan pelaburan di negara ini. Dalam hal ini kedua-dua sektor swasta dan awam mestilah kerap berunding antara satu sama lain supaya manfaat daripada rundingan ini akan menghasilkan daya

saingan yang dapat terus dikekalkan.

6. Semakin proses perindustrian kita meningkat maka semakin penting diwujudkan dinamisma sektor industri supaya negara kita tidak terlalu bergantung kepada modal pelaburan, teknologi ataupun sumbangan dari luar. Di sini perlu saya tekankan bahawa adalah penting diadakan usahasama yang lebih erat di antara Kerajaan dengan sektor swasta untuk memelihara industri tempatan ataupun 'indigenous industrialisation'. Perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana mesti dilibatkan dalam proses rundingan ini supaya mereka dapat terus dibangunkan dengan lebih berkesan dalam usaha kita memperluaskan 'industrial base'.

7. Usahasama sektor awam dan swasta mestilah juga menumpukan kepada keperluan pasaran di peringkat antarabangsa. Ini memerlukan peningkatan mutu barangan dan juga perkhidmatan yang boleh kita berikan. Di sini adalah kritikal bagi kita mempertingkatkan lagi kemampuan R & D supaya kita mempunyai 'access' kepada teknologi yang lebih tinggi serta canggih. Justeru itu, kita mestilah berusaha dengan lebih gigih lagi untuk mempelbagaikan dan memperluaskan asas-asas pelaburan kita di negara-negara lain.

8. Pembangunan yang kukuh bergantung besar kepada kemampuan dan kebolehan kita untuk mendapat maklumat dan meningkatkan pengetahuan kita. Lebih-lebih lagi dengan perkembangan dan kemajuan dalam teknologi maklumat dan telekomunikasi sekarang. Untuk kita mencapainya, adalah penting kita menekankan bahawa maklumat harus dikongsi bersama di antara sektor-sektor awam dengan swasta. Sekiranya ini tidak dilakukan usaha-usaha kita untuk membangunkan ekonomi dengan lebih pesat mungkin bukan sahaja terjejas, malah menimbulkan ketidaktentuan masa depan negara. Memandangkan Malaysia memainkan peranan yang penting dalam pergolakan sosio-politik wilayah (seperti ASEAN), ekonomi, alam sekitar, pasaran dan teknologi, maka sudah tentu maklumat menjadi asas utama dalam mempengaruhi keputusan-keputusan kita dan seterusnya menentukan daya saingan kita.

9. Selain daripada teknologi maklumat, juga penting ialah penggunaan serta pendekatan kita dalam menguruskan sumber-sumber negara yang terhad supaya dapat menjamin negara mempunyai daya saingan yang kukuh di pasaran antarabangsa. Justeru itu, sektor-sektor swasta dan awam harus bekerjasama dan berkongsi sumber-sumber yang terhad ini seperti teknologi, kepakaran, pengalaman dan sumber-sumber lain yang penting dalam usaha kita mencapai pertumbuhan yang optima. Malahan, daya saing yang paling kritikal adalah potensi sumber manusia. Mutu dan inovasi pekerja-pekerja profesional kita akan menentukan pencapaian dan kemakmuran negara ini. Oleh itu usahasama sektor-sektor awam dan swasta dalam membangunkan sumber tenaga manusia harus dipertingkatkan bagi mewujudkan pekerja-pekerja yang bermutu, berkemahiran dan berpengetahuan tinggi.

10. Semenjak tahun 1984 sektor swasta telah menyahut cabaran Kerajaan supaya menjadi lebih dinamik dalam mempergiatkan lagi pertumbuhan ekonomi negara. Dalam hal ini sektor swasta telah memainkan peranannya dengan sungguh memuaskan. Sektor swasta telah tidak mengabaikan peranan dan tanggungjawabnya dalam usaha meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi negara.

11. Sukalah juga saya di sini memberi sanjungan tinggi kepada pegawai dan kakitangan Kerajaan di atas usaha gigih mereka dalam mempertingkatkan prestasi pentadbiran awam semenjak tahun 1990 yang mana hasilnya mengagumkan. Sektor perkhidmatan awam telah benar-benar menunjukkan dedikasi mereka bagi mengatasi sebarang kelemahan dalam jentera pentadbiran Kerajaan. Dengan menumpukan kepada kekuatan yang ada pada sistem pentadbiran Kerajaan, perkhidmatan awam telah berjaya menyumbang dalam usaha Kerajaan mencapai pembangunan yang menggalakkan.

12. Majlis hari ini merupakan satu lagi tanda pencapaian cemerlang perkhidmatan awam dalam peranannya sebagai penyelaras atau 'facilitator'. Usaha untuk mendokumentasi dan menyebarkan maklumat merupakan pendekatan penting bagi menyalurkan maklumat-maklumat asas kepada pelabur-pelabur dan pengusaha-pengusaha di negara ini. Maklumat yang senang atau mudah didapati adalah juga maklumat yang penting. Nilai satu-satu maklumat itu harus diukur daripada segi kemampuannya bukan sahaja bagi memaklum dan membimbing pihak-pihak yang terlibat, tetapi ianya juga haruslah komprehensif. Justeru itu, ia akan dapat mengelakkan timbulnya pembaziran masa, iaitu aset yang penting bagi pengusaha-pengusaha di sektor swasta. Justeru itu penerbitan buku ini adalah tepat pada masanya. Buku ini adalah hasil usahasama kedua-dua sektor awam dan swasta dan menandakan adanya jalinan hubungan yang erat antara kedua-dua pihak itu.

13. Perkembangan yang pesat berlaku di sektor awam kebelakangan ini memerlukan pengurus-pengurus sektor awam turut peka kepada perubahan di sekitar mereka dan mengambil pendekatan yang sesuai bagi menghadapi cabaran-cabaran baru itu. Perkhidmatan- perkhidmatan yang ada hendaklah dirangka dengan tujuan memberi manfaat kepada pengguna. Mutu dan produktiviti haruslah menjadi objektif mereka.

14. Sektor awam kini bertanggungjawab kepada rakyat yang kian mempunyai citarasa dan keperluan yang semakin canggih. Permintaan dan harapan mereka kini semakin tinggi. Masyarakat Malaysia tidak lagi mudah berpuashati dengan sebarang layanan yang diberikan. 'The Client's Charter' harus memberi lebih kuasa kepada pengguna dalam menggunakan hak mereka untuk dimaklum di samping juga hak untuk memilih. Mereka harus diberi lebih banyak lagi pilihan di samping penyediaan maklumat tentang apa yang boleh diharapkan. Lebih penting lagi mereka harus tahu apa yang boleh dibuat bila satu-satu kesilapan berlaku.

15. Langkah sektor awam yang berani dalam memperkenalkan 'The Client's Charter' mencerminkan era baru dalam penyediaan perkhidmatan awam yang memuaskan.

16. In closing, I must express my great pleasure and pride to be here this evening to witness the public and the private sectors joining hands in an auspicious occasion to salute 10 years of Malaysia Incorporated. The launching of the book 'Dealing With The Malaysian Civil Service' and the declaration of the 'Client's Charter' by the public sector is a fitting tribute to Malaysia Incorporated. The private sector's participation in this event reflects the growing relationship between the two partners.

17. I would like to take this opportunity to congratulate both the public and private sectors for having played their respective roles effectively in bringing about sustained growth of the economy and the progress of the nation in the last decade. This is testimony of your contribution to the nation. However, we must not rest on our laurels. The journey ahead towards making Malaysia a fully developed nation is long and arduous. But together we shall face the odds with good stride. Let us make Malaysia Incorporated our competitive edge.

18. Dengan ini, saya dengan sukacitanya melancarkan dengan rasminya buku 'Dealing with the Malaysian Public service' ini.

Sekian, terima kasih.